



PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

BOLA TAMPAR PANTAI



1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

1.2 Undang-Undang Permainan

1.2.1 Peraturan ini dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) dan terjemahan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

1.3 Kelayakan

1.3.1 Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Acara/Kategori Yang Dipertandingkan

2.1.1 Kategori berpasukan Lelaki dan Wanita

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 2 orang pemain, 1 pengurus dan 1 jurulatih bagi satu pasukan.

2.2.2 Setiap institusi hanya dibenarkan mendaftar 1 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita.

2.2.3 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.

2.2.4 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja yang dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Perlawanan ditentukan dengan 2 set dari 3 set permainan.
- 2.3.2 Setiap set dimainkan dengan kiraan 21 mata. Set ketiga atau set penentuan dimainkan dengan kiraan mata 15.
- 2.3.3 Perlawanan akan dimainkan dimana, set pertama dan kedua, jika kedudukan terikat 20 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Deuce).
- 2.3.4 Perlawanan akan dimainkan dimana, set ketiga, jika kedudukan terikat 14 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Deuce).

2.3.5 Cara Memutuskan Keputusan

2.3.5.1 Cara memberi mata:

Menang	- 2 mata
Kalah	- 1 mata
Kalah tanpa bertanding	- 0 mata

2.3.6 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut: -

2.3.6.1 Nisbah Mata (M)

$M = \frac{\text{Jumlah mat menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (Semua perlawanan)}}$

2.3.6.2 Jika masih seri, Nisbah Set set tertinggi (S)

$S = \frac{\text{Jumlah set menang (Semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (Semua perlawanan)}}$

2.3.6.3 Jika masih seri,

$M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$

2.3.6.4 Jika masih seri,

$S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$

2.3.6.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua-dua pasukan tersebut akan diambilkira. Pasukan yang pernah menang diperlawananan tersebut dikira menang.

2.3.6.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

2.3.6.7 Kelewatan hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas itu, lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 21-0, 21-0.

2.4 Pakaian Pertandingan

2.4.1 Nombor mesti mempunyai ketinggian minimum 15cm di bahagian dada, dan minimum 20cm di belakang. Lebar jalur yang membentuk nombor tersebut mestilah minimum 2cm.

2.4.2 Pakaian setiap pasukan perlu seragam bagi jersi dan seluar serta tidak terlalu longgar atau ketat.

3. RINGKASAN PENYERTAAN

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Bola Tampar Pantai	2	2	2 + 2	8